

SOALAN NO. 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN ALICE LAU KIONG
YIENG [LANANG]**

TARIKH : 17 MAC 2016

SOALAN :

YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan pemotongan biasiswa JPA yang diumumkan baru-baru ini dan berapakah jumlah pelajar dari Sarawak dipengaruhi oleh keputusan tersebut serta apakah langkah Kerajaan untuk menolong pelajar yang tidak mampu tetapi berhasrat untuk melanjutkan pelajaran mereka di luar negara.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesan daripada pengoptimuman peruntukan kerajaan ke atas biasiswa, ia akan memberi kesan positif kepada negara secara keseluruhannya memandangkan Kerajaan dapat mengawal aliran matawang ke luar negara selain memartabatkan kedudukan Intitusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan dengan kemasukan pelajar-pelajar terbaik ke IPT tempatan termasuk Kampus Cawangan Luar Negara seperti Monash University Malaysia, Reading University dan Newcastle University.

Kerajaan sentiasa perihatin berhubung pendidikan pelajar-pelajar dari Sabah dan Sarawak. Mengikut rekod, pada tahun 2015 seramai 767 pelajar dari Sarawak ditawarkan penajaan di bawah pelbagai program penajaan JPA.

Berhubung langkah Kerajaan untuk membantu pelajar yang tidak mampu tetapi berhasrat untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara, Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk memperkukuhkan mekanisme agihan penajaan JPA dengan memberi fokus kepada pelajar daripada keluarga dalam kumpulan B40 sama ada bagi penajaan di dalam atau di luar negara.

Sekian, terima kasih.